

Kerapatan pecat dua datuk lembaga

SEREMBAN, Rabu — Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamlus dipecat manakala Datuk Muda Labu Zainuddin Haji Abdullah digantung daripada jawatan dalam kerapatanimbang salah yang dijalankan di Balal Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong dekat sini, semalam.

Dengan keputusan itu, kedua-dua Datuk Lembaga Waris di Air dan Tlang Balal Luak Sungai Ujong itu tidak mempunyai kuasa lagi sehingga dipulihkan semula.

"Dalam kerapatan yang diadakan semalam, Datuk Lembaga dan semua waris yang hadir sebulat suara mencapai kata sepakat untuk memecat dan menggantung kedua-dua jawatan itu," kata sumber tertinggi adat, hari ini.

Difahamkan, keputusan itu dibuat kerana waris perut Hulu dan Hilir merasa terkilan atas tindakan kedua-dua Datuk Lembaga itu

ketika mereka membuat kerapatan adat Ahad lalu di telapak waris di Pantai.

Dengan keputusan itu juga, Datuk Lembaga Tlang Balal Waris di Air pada masa ini hanya tinggal 12 orang.

Mereka ialah Datuk Paduka Diraja Awaluddin Temu, Datuk Menteri Penghulu Haji Zainal Haji Abdul Majid, Datuk Seri Amar Diraja Syed Hussin Al Haj Syed Haji Abdul Hamid, Datuk Seri Amar Menteri Datuk Pedana Menteri Haji Kahar Sikin, Datuk Paduka Besar Haji Adam Hussein, Datuk Bentara Abdul Wahid Abdullah, Datuk Panglima Besar Haji Shamsuddin Haji Talib, Datuk Laksamana Ismail Tom, Datuk Manja Khatib Murtaza Datuk Haji Mohd Sharif, Datuk Perang Haji Idris Talib, Datuk Akhir Zaman Rantau Haji Bahari Haji Hamzah dan Datuk Muda Linggi Haji Ismail Haji Jalal.